

Pakatan tawar insentif kewangan untuk tarik undi wanita menjelang PRU13
Malaysian Insider
April 7, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 7 April — Pakatan Rakyat (PR) dilihat memberikan tawaran insentif dan kewangan kepada wanita dan pusat jagaan kanak-kanak di negara ini yang dijangka akan meningkatkan status kumpulan pengundi kelompok berkenaan yang menjadi kunci penentu dalam Pilihan Raya Umum 2013.

Wanita PR hari ini berkata, tiga tawaran utama yang diumumkan mereka adalah caruman RM600 setahun wanita nasional sebagai tabung simpanan suri rumah, penubuhan agensi pembantu rumah tempatan, dan insentif RM1000 setahun untuk penjagaan anak-anak 12 tahun ke bawah.

Timbalan Ketua Dewan Muslimat PAS Dr Siti Mariah Mahmud ketika sidang media di Ibu Pejabat PAS hari ini berkata, tawaran yang dikemukakan wanita PR itu bagi membolehkan guna kerja golongan wanita dapat ditingkatkan daripada 46 peratus kepada tahap yang lebih tinggi.

"Setakat ini hanya 46 peratus tenaga kerja wanita dapat digunakan sedangkan lebih 70 peratus wanita berada di institusi pengajian tinggi.

"Melalui tawaran-tawaran ini kita mengharapkan akan berlaku peningkatan tenaga kerja untuk wanita bagi sektor pekerjaan," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, Setiausaha Wanita DAP Teo Ni Ching menegaskan jumlah 46 peratus itu adalah sejak 10 tahun lalu, dan tidak pernah berlaku penambahan sedangkan negara-negara jiran di Asia Tenggara sudah mencapai tahap tenaga kerja wanita yang lebih tinggi.

"Ia jumlah 10 tahun dulu dan tidak pernah ditingkatkan walaupun negara luar seperti Singapura tenaga kerja wanitanya melonjak kepada 60 peratus, dan 70 peratus di Thailand," katanya dalam sidang media sama.

Sementara itu, manifesto Barisan Nasional (BN) yang dilancarkan semalam memberikan penekanan terhadap peningkatan jumlah wanita yang terlibat dalam proses pembuatan keputusan di peringkat nasional, serta memberikan insentif untuk kumpulan wanita bekerja dari rumah melalui pengkhususan kepada golongan ibu tunggal.

"Mana komitmen BN menunaikan janji mereka, meningkatkan tenaga wanita bekerja ke tahap 55 peratus, sekarang kita hanya 46 peratus.

"Kita ada hanya dua tahun, sekiranya satu janji untuk wanita pun ditepati, bagaimana kita boleh percaya tawaran mereka," kata Ni Ching lagi membidas manifesto BN yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi BN malam tadi.

Wanita PR menjangkakan, bagi tawaran caruman sebanyak RM600 setahun, mereka akan memperuntukkan sejumlah RM 10 bilion bagi memastikan setiap wanita, khususnya mereka yang telah berumah tangga mempunyai caruman berkenaan.

Penganalisis politik dan pemerhati politik tanah air berpendapat golongan atas pagar, terutama wanita yang bekerja di rumah dan pengundi muda akan menjadi penting dalam

menentukan keputusan pilihan raya.

Sehingga akhir tahun lepas, bilangan pengundi yang layak telah berkembang daripada 10.9 juta pada 2008 kepada 12.2 juta rakyat, peningkatan sebanyak 1.3 juta

BN memperolehi 4.08 juta undi pada tahun 2008 berbanding dengan PR 3.79 juta undi - perbezaan sebanyak 290,000 undi - dan pembangkang berharap pengundi baru pada pilihan raya akan datang boleh membantu menambahkan baki ke arah parti PR, terdiri daripada DAP, PAS dan PKR.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-tawar-insentif-kewangan-untuk-tarik-undi-wanita-menjelang-pru13/>